

## **Ekuinas ambil alih Davex RM255j**

**Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) membuat pelaburan sulung dan terbesarnya dalam sektor perkilangan dengan mengambil alih 100 peratus kepentingan Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex) bernilai RM255 juta.**

**Davex, syarikat reka bentuk, perundingan dan pengeluar lampu tempatan mengeluarkan produknya di bawah jenama Davis Lighting dan terbabit dalam segmen luminair dalam pasaran pencahayaan.**

**Syarikat berpangkalan di Pulau Pinang itu diasaskan**

**pada 1983 dan ia menyediakan kelengkapan pencahayaan menyeluruh untuk pelanggan komersial, perindustrian dan kediaman serta mempunyai perniagaan kukuh di Singapura dan Australia.**

**Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, Ekuinas teruja menembusi segmen pencahayaan luminair menerusi Davex, pemimpin pasaran serantau bertapak di Malaysia dan menerangi projek terkenal di rantau ini, termasuk Menara Berkembar Petronas.**